

6.4 HIASAN PINTU DAN TINGKAP

Pintu dan tingkap merupakan elemen penting dalam seni reka bentuk dan menghiasi ruang dalaman. Elemen yang berfungsi sebagai akses laluan, pengudaraan dan pencahayaan ini perlu dihias bagi menyerlahkan dan melengkapkan konsep-konsep hiasan dalaman.

Standard Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- 6.4.1 Menyatakan jenis, bahan, skema warna dan fungsi hiasan pintu dan tingkap mengikut konsep hiasan dalaman.
- 6.4.2 Menerangkan bahan dan peralatan pemasangan hiasan pintu dan tingkap.
- 6.4.3 Menyesuaikan hiasan pintu dan tingkap berdasarkan konsep ruang dalaman.
- 6.4.4 Memaparkan lakaran idea hiasan pintu dan tingkap berdasarkan ruang dalaman.
- 6.4.5 Memilih bahan dan peralatan pemasangan hiasan pintu dan tingkap berdasarkan keperluan.
- 6.4.6 Memasang hiasan pintu dan tingkap berdasarkan keperluan.



6.4.1 Jenis, Bahan, Skema Warna dan Fungsi Hiasan Pintu dan Tingkap Mengikut Konsep Hiasan Dalaman

Tingkap dan pintu perlu dilihat sebagai satu elemen penting dalam struktur kediaman. Tingkap dan pintu mempunyai pengaruh tersendiri untuk menampilkan kediaman yang indah. Hiasan pintu dan tingkap terbahagi kepada dua, iaitu langsir dan bidai.

A. Langsir

Langsir berfungsi sebagai pelindungan peribadi daripada pandangan orang luar atau melindungi ruang dalaman dari cahaya luar yang berlebihan. Penggunaan fabrik yang tebal pada langsir juga dapat mengurangkan bunyi. Langsir terdiri daripada pelbagai jenis kain seperti kain organza, baldi, kapas dan sutera. Antara jenis-jenis langsir ialah:

Langsir panel renda merupakan perhiasan tingkap dan pintu yang menarik. Fabrik renda yang mempunyai lubang *eyelet* sesuai digunakan bagi menutup separuh di bawah tingkap seperti di dapur atau di bilik mandi.

1. Langsir panel renda





2. Day curtain



Langsir ini bersifat ringan, lut sinar dan direka bentuk daripada bahan berwarna terang. Langsir ini membantu mewujudkan ruang peribadi di siang hari, dalam masa yang sama membenarkan cahaya yang mencukupi dari luar ke dalam ruang dalaman.

3. Langsir Pleat

Langsir *pleat* sesuai digunakan di dalam kediaman yang moden dan mementingkan kesederhanaan. Fabrik yang digunakan terdiri daripada kain *cotton*, *chiffon* dan lain-lain.



4. Langsir Cafe



Mempunyai ciri-ciri tahan habuk dan penjagaan yang mudah. Langsir gaya kafe digunakan di bilik-bilik kecil seperti dapur, tandas, bilik mandi, ruang belajar dan ruang makan.

B. Bidai

Bidai berfungsi sebagai penghadang daripada cahaya matahari yang terlalu terang dan panas daripada memasuki kediaman. Penggunaan bidai kini sangat meluas dalam hiasan ruang kediaman bagi menampakkan kelainan dalam seni hiasan dalaman.

i. Bidai Gulung



Sesuai digunakan pada tingkap pejabat, ruang tamu dan dapur. Penggunaan warna putih, kelabu dan polos sering digunakan di pejabat. Manakala bidai yang digunakan di rumah kediaman adalah bercorak dan berwarna-warni.

ii. Bidai menegak



Diperbuat daripada kain poliester sintetik yang tahan lama, tahan luntur dan mudah dibersihkan.

iii. Bidai buluh/kayu



Bidai buluh adalah pilihan yang ideal bagi tema tropika dan desa. Jenis bidai yang biasa digunakan di balkoni, teres, gazebo, laman belakang, dan lain-lain kerana dapat menahan semua jenis cuaca dan habuk serta kotoran. Diperbuat daripada buluh dan kayu manakala warna bidai adalah daripada warna buluh itu sendiri dan warna kayu.

iv. Bidai aluminium



Bidai jenis menegak yang bilahnya diperbuat daripada aluminium. Bilah bidai dibina melintang dan boleh ditarik ke atas atau dicondongkan mengikut kesesuaian laras cahaya yang dikehendaki. Pelbagai warna digunakan pada bidai ini bersesuaian dengan konsep dan fungsi ruang yang ada.

v. Bidai Roman



Bidai roman ialah bidai yang digunakan untuk menyekat sinaran matahari daripada masuk ke dalam ruang kediaman.

Rajah 6.10 Jenis-jenis bidai


6.4.2 Menerangkan Bahan dan Peralatan Pemasangan Hiasan Pintu dan Tingkap

Jenis hiasan pintu dan tingkap:

- ▶ Rel langsir (*curtain rel*)
- ▶ Batang langsir (*rod langsir*)

Rel Langsir

Rel langsir diperbuat daripada bahan plastik, aluminium atau besi. Rel yang lazim digunakan ialah rel aluminium. Rel langsir terdapat dalam beberapa jenis dan panjang yang dilengkapi dengan braket pemasangan dan gelang atau penyangkut mudah alih.



Batang Langsir

Batang langsir ialah kayu bulat yang digunakan untuk menyangkut langsir. Batang langsir diperbuat daripada besi, plastik atau kayu dan dilengkapi dengan braket pemasangan dan gelang mudah alih. Ia juga boleh didapati dalam pelbagai saiz.



Peralatan




Gerudi mudah alih

Gerudi digunakan untuk menggerudi lubang skru.

Pita ukur

Alat mengukur ketinggian dan lebar serta mengukur jarak antara lubang yang perlu ditebuk.




Pemutar skru

Digunakan bagi memasang skru pada dinding.



Pensel

Menanda ketinggian dan jarak lubang yang hendak digerudi.



Tangga

Digunakan semasa memasang batang langsir yang tinggi.

Bahan


Langsir

Kain penutup jendela atau pintu.



Batang langsir

Berfungsi untuk menggantung kain langsir.



Ring hanging

Digunakan untuk memasukkan cangkuk langsir.


Pita langsir

Digunakan sebagai tempat penyangkut cangkuk.



Cangkuk langsir

Digunakan untuk menyangkut pita langsir dan dipasang pada rod langsir.



6.4.3 Menyesuaikan Hiasan Pintu dan Tingkap Berdasarkan Konsep Ruang Dalaman



A Konsep Moden

Konsep Moden popular kerana bersifat segar dan terdapat beberapa pilihan reka bentuk corak kain seperti *modern stripe*, atau minimalis. Bagi konsep Moden, pemilihan fabrik langsir bercorak bunga atau geometri sesuai dipadankan di dalam ruang dalaman. Jenis langsir *pleat* sesuai digunakan di dalam ruang dalaman berkonsep Moden ini.

B Konsep Moden Kontemporari

Konsep Moden Kontemporari mempunyai nilai estetika tersendiri yang bercirikan perincian yang lebih ringkas, minimal, rona warna sekata dan tidak terlalu bercorak. Selalunya, bidai, langsir *eyelet* dan *french pleat* menjadi pilihan popular bagi konsep Moden Kontemporari.



C Konsep Inggeris

Bagi konsep Inggeris, pemilihan langsir daripada jenis *scallop*, *box pleat curtain*, sering diguna pakai di dalam ruang dalaman.



D Konsep Minimalis

Konsep Minimalis sering menggunakan rona warna yang neutral, separa terang dan tidak terlampau gelap. Penggunaan perabot adalah bersifat minimal dan penting sahaja manakala jenis langsir yang digunakan adalah dari jenis langsir *pleat*.






E Konsep Nusantara

Langsir jarang atau berenda sering digunakan di dalam ruang tamu rumah tradisional. Hal ini demikian kerana fungsi langsir di sini adalah untuk menghalang pencahayaan daripada memasuki ruang secara terus-menerus tanpa mengganggu laluan angin dan udara.

6.4.4 Lakaran Hiasan Pintu dan Tingkap

AKTIVITI MURID

Menjelang Hari Raya Aidilfitri, Puan Alya ingin menukar langsir tingkap rumahnya. Puan Alya amat meminati konsep Inggeris. Puan Alya telah memilih anda sebagai juruhias rumahnya. Berdasarkan gambar tingkap pada foto 6.19, anda diminta untuk melakar cadangan reka bentuk langsir, corak dan jenis kain langsir berkonsep Inggeris bagi menepati cita rasa Puan Alya.



Gambar foto 6.19 Contoh tingkap di rumah Puan Alya

6.4.5 Memilih Bahan dan Peralatan Pemasangan Hiasan Pintu dan Tingkap Berdasarkan Keperluan

TUGASAN

Memilih bahan dan peralatan pemasangan hiasan pintu dan tingkap dengan tepat berdasarkan keperluan.

BAHAN	PERALATAN
Kain langsir, batang langsir dan cangkuk langsir.	<ol style="list-style-type: none"> i. Gerudi mudah alih ii. Pita ukur iii. Pemutar skru iv. Skru v. Pensel vi. Pembaris besi panjang vii. Tangga viii. Tukul kuku kambing ix. Timbang air

6.4.6 Memasang Hiasan Pintu dan Tingkap Berdasarkan Keperluan

TUGASAN

Memasang aksesori tingkap dan langsir mengikut arahan dan butiran dengan tepat dan sempurna.

BAHAN	PERALATAN
<ul style="list-style-type: none"> • Kain langsir yang dipilih. • Batang langsir dan cangkuk. 	<ol style="list-style-type: none"> i. Gerudi mudah alih ii. Pita ukur iii. Pemutar skru iv. Paku v. Pensel vi. Pembaris besi panjang vii. Tangga viii. Tukul kuku kambing ix. Timbang air


LANGKAH KERJA

1. Lihat lukisan kerja dan butiran kerja pemasangan langsir.
2. Sediakan bahan dan peralatan yang akan digunakan.
3. Kerja-kerja penyediaan ruang dan permukaan dijalankan.
4. Ukur lebar dan tinggi tingkap bagi mendapatkan ukuran keseluruhan langsir.
5. Ukur dan tandakan dengan pensel kedudukan trek batang langsir.
6. Tanda yang dibuat hendaklah diuji dengan timbang air untuk memastikan tegak dan lurus.
7. Masukkan cangkuk ke dalam pita langsir. Masukkan langsir ke batang langsir.
8. Sangkutkan langsir pada trek.
9. Pasangkan penyangkut bagi pengikat (*tieback*) dan pasang pengikat langsir.
10. Kemaskan kerja dengan meneliti bahagian yang tidak sempurna.

TIPS


1) Mengukur lebar langsir

- Pastikan ukuran dibuat pada lebar trek langsir atau batang rod.
- Sekiranya mahu memasang trek atau batang rod yang baru, lebihkan 15cm hingga 30cm kiri dan kanan tingkap serta 12cm hingga 15cm di atas kepala tingkap.



2) Batang rod


Diukur dari awal ke hujung kayu- B .



3) Mengukur labuh langsir

Cara terbaik untuk menggantung langsir adalah ke paras lantai atau di bawah paras tingkap. Antara ukuran labuh langsir yang disyorkan adalah seperti yang berikut:

- 1cm di atas lantai
- 15cm - 20cm di bawah aras tingkap
- Sama paras tingkap





LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN A



1. Apakah jenis langsir gambar di atas?
 - A Langsir panel renda
 - B Langsir fabrik jarang
 - C Langsir bertepi hias
 - D Langsir kafe

2. Yang manakah bukan peralatan yang digunakan untuk pemasangan hiasan langsir dan pintu?
 - A Pita ukur
 - B Gerudi
 - C Pemutar skru
 - D Paku


3. Apakah fungsi pita ukur?
 - A Memasang skru pada dinding.
 - B Menggantung kain langsir.
 - C Mengukur ketinggian dan lebar.
 - D Menanda ketinggian dan jarak lubang yang hendak digerudi.

BAHAGIAN B

1. Nyatakan langkah-langkah pemasangan langsir yang betul.

- i _____
- ii _____
- iii _____
- iv _____
- v _____
- vi _____
- vii _____
- viii _____
- x _____
- ix _____

2. Lakarkan hiasan pintu dan tingkap yang sesuai berdasarkan konsep di dalam ruang dalaman.

**TUGASAN**

Berdasarkan langkah kerja yang betul, murid dikehendaki membuat pemasangan langsir di dalam ruang yang disediakan.

6.5 AKSESORI PELENGKAP

6.5.1 Menyatakan Jenis Aksesori Pelengkap

Aksesori pelengkap boleh diklasifikasikan sebagai barang perhiasan yang digunakan bersama dengan perabot atau kelengkapan lain dan membantu menjadikan ruang dalaman menjadi lebih menarik. Aksesori memainkan peranan penting dalam hiasan dalaman, iaitu dengan menggabungkan elemen kecil dalam hiasan dalaman secara lebih menyeluruh dan melengkapkan ruang dalaman itu sendiri.



1 Alas dan selendang meja

- Berfungsi sebagai hiasan meja agar nampak cantik dan kemas dan mengelakkan daripada kekotoran serta menjaga permukaan meja daripada tercalar atau rosak.
- Alas meja boleh didapati dalam pelbagai saiz, corak dan bentuk mengikut bentuk dan saiz meja. Bentuk alas meja yang boleh didapati di pasaran ialah:
 - Alas meja bulat
 - Alas meja segi empat tepat
 - Alas meja segi empat sama
 - Alas meja bujur
- Kain kapas ringan digunakan untuk alas meja bagi kegunaan harian. Bagi majlis formal, kain baldu tebal dan tidak bercorak digunakan.

Standard Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- 6.5.1 Menyatakan jenis aksesori pelengkap:
 - i) Alas meja/selendang meja/skirting
 - ii) Hampan
 - iii) Kusyen
 - iv) Aksesori meja
 - v) Sarung kerusi bankuet
 - vi) Pokok tiruan
- 6.5.2 Menerangkan fungsi aksesori pelengkap.
- 6.5.3 Menyesuaikan pemilihan aksesori pelengkap.
- 6.5.4 Memaparkan lakaran susun atur aksesori pelengkap berdasarkan konsep ruang dalaman.
- 6.5.5 Mencadangkan pemilihan aksesori pelengkap berdasarkan konsep ruang dalaman.
- 6.5.6 Menggabungkan aksesori pelengkap berdasarkan konsep hiasan ruang dalaman.



Gambar foto 6.20 Alas meja



Gambar foto 6.21 Selendang meja

2 Hampan

Digunakan sebagai pelapik dan hampan di ruang tamu. Melindungi kaki daripada kesejukan dan sebagai aksesori dekorasi di bahagian ruang tertentu.



3 Bantal kusyen

Bantal kusyen telah dijadikan sebagai hiasan atau aksesori pelengkap dalam menghias ruang kediaman.



4 Aksesori meja

Berfungsi sebagai hiasan meja makan untuk majlis keramaian ataupun majlis-majlis rasmi. Ia merupakan hiasan sebagai tarikan terutamanya meja makan.

PERANGGU MEJA

Peranggu meja ialah persiapan meja makan yang lengkap dengan susun atur alatan yang betul.

Alatan peranggu meja adalah seperti kutleri (sudu, garfu dan pisau, gelas, pinggan, alas meja dan napkin).



5 Sarung kerusi bankuet

Melindungi kecacatan pada kerusi. Menaikkan seri ruang dan memberikan gaya yang eksklusif dengan penggunaan sarung kerusi.



6 Skirting

Berfungsi sebagai hiasan meja dan melindungi meja dari kekotoran serta menjaga permukaan meja daripada tercalar atau rosak.



7 Pokok tiruan

Pokok tiruan dijadikan sebagai salah satu aksesori dekorasi kerana ingin mewujudkan suasana harmoni dan kedamaian jika diletakkan tumbuhan hijau bagi sesuatu ruang.

6.5.2 Menerangkan Fungsi Aksesori Pelengkap

- Sebagai nilai estetika.
- Melahirkan suasana ruang yang segar dan tenang.
- Sebagai pelengkap dalam hiasan ruang dalaman.
- Penyeri di dalam ruang dalaman.



Gambar foto 6.22 Contoh aksesori pelengkap di dalam ruang tamu



Gambar foto 6.23 Contoh aksesori pelengkap di dalam ruang makan

6.5.3 Menyesuaikan Pemilihan Aksesori Pelengkap

Terdapat pelbagai cara untuk menghias ruang dalaman dengan menyesuaikan susunan perabot dan warna yang bersesuaian dan menjadikan ruang dalaman yang cantik dan menarik selain memasukkan beberapa konsep dan tema.

Selain daripada rekaan perabot, konsep atau tema, warna, penyusunan ruang, hiasan lampu dan aksesori pelengkap merupakan idea kreatif yang boleh digunakan di dalam ruang dalaman bagi menyerlahkan lagi hiasan di dalam ruang dalaman.

TUGASAN

En. Nazri baharu mengubah suai ruang tamu rumah beliau dengan menerapkan konsep Moden Kontemporari. Beliau mendapati ruang tamu tersebut masih kaku dan tampak kosong kerana tiada hiasan. Oleh yang demikian, anda diminta untuk mencadangkan aksesori pelengkap yang bersesuaian dengan konsep Moden Kontemporari bagi menaikkan kembali seri dan suasana yang menarik pada ruang tamu tersebut.

6.5.4 Memaparkan Lakaran Susun Atur Aksesori Pelengkap Berdasarkan Konsep Ruang Dalaman

Pelbagai jenis aksesori pelengkap rumah menjadi alat yang sangat baik untuk mewujudkan hiasan dalaman yang cantik dan menarik. Skema warna aksesori harus dipilih berdasarkan konsep dan tema di ruang kediaman.

Pilihan dekorasi yang baik dan kreatif boleh direalisasikan dalam penciptaan unsur-unsur hiasan. Sebagai contoh, sarung kusyen gaya tampalan boleh dicipta dengan hasil tangan sendiri.

TUGASAN

Hasilkan satu lakaran susun atur aksesori pelengkap berdasarkan konsep ruang dalaman yang diberi.

Langkah Kerja:

- Penyediaan kertas lukisan untuk menghasilkan lakaran.
- Kenal pasti konsep ruang dan ruang dalaman yang diberi.
- Mengenal pasti aksesori pelengkap yang sesuai untuk digunakan.
- Lakarkan cadangan susun atur di dalam kertas lukisan dalam bentuk perspektif.



6.5.5 Mencadangkan Pemilihan Aksesoris Pelengkap Berdasarkan Konsep Ruang Dalaman



Pemilihan aksesoris pelengkap di dalam bilik tidur berkonsepkan Moden

Bilik yang diwarnakan dengan warna lembut akan kelihatan tenang dan elegan. Aksesoris pelengkap yang digunakan di dalam bilik tidur ini ialah hamparan, kusen bantal sebagai penambah gaya dan pokok tiruan dalam menaikkan seri ruang ini. Cermin besar turut menghiasi ruang di dalam bilik.

Pemilihan aksesoris pelengkap di dalam ruang tamu konsep Moden Kontemporari



Penggunaan pokok tiruan, bingkai gambar sebagai hiasan dinding dan bantal kusen melengkapi dan menaikkan seri ruang tamu yang berkonsep Moden Kontemporari.



Pemilihan aksesori pelengkap di dalam ruang makan konsep Minimalis

Pokok tiruan yang bersaiz kecil diletakkan di atas meja dan hiasan gambar pada dinding menghidupkan lagi ruang makan supaya tidak kelihatan kaku dan bosan.



Pemilihan aksesori pelengkap di dalam ruang makan konsep Inggeris

Hampan dan pokok tiruan merupakan aksesori pelengkap yang sering digunakan di dalam ruang makan berkonssep Inggeris.

6.5.6 Menggabungkan Aksesori Pelengkap Berdasarkan Konsep Hiasan Ruang Dalam

KONSEP MODEN

Penggunaan bantal berwarna pastel, saiz bantal yang tidak terlalu besar dan bercorak sederhana serta pokok tiruan yang berdaun hijau dan tirus di dalam ruang dapat menyerlahkan konsep Moden itu sendiri.



KONSEP MINIMALIS

Aksesori pelengkap bagi konsep Minimalis adalah paling mudah ditemui dan dipadankan. Warna putih dan tanah sering digunakan pada bantal dan hampan. Dipadankan pula dengan rona warna dinding putih dan penggunaan pokok tiruan yang kurang berdaun hijau, ruang tampak lebih ringkas dan kemas.





KONSEP MODEN KONTEMPORARI

Konsep Moden Kontemporeri banyak menggunakan warna-warna putih, hitam dan kelabu. Penggunaan sarung bantal, hamparan dan sebagainya adalah daripada tona yang sama.



KONSEP INGGERIS

Konsep Inggeris mementingkan aksesori pelengkap dalam hiasan ruang dalaman. Aksesori pelengkap berfungsi dalam melengkapkan hiasan dalaman bagi sesuatu ruang. Aksesori pelengkap yang digunakan dalam konsep Inggeris ialah hamparan, bingkai gambar dan sarung kusyen berpol.



KONSEP NUSANTARA

Konsep Nusantara merupakan suatu aset yang berharga dan perlu dipelihara seni binanya untuk generasi akan datang. Konsep Nusantara dihasilkan dengan mengaitkan reka bentuk seni bina dengan faktor alam sekitar.

Seni ukiran yang menarik yang diilhamkan daripada motif flora menggambarkan konsep Nusantara ini tidak dapat dipisahkan dengan alam. Terdapat keunikan dan keindahan ukiran kayu pada bahagian-bahagian tertentu dalam seni bina Nusantara.

Foto 6.24 Hampan dan kusyen turut digunakan sebagai aksesori pelengkap dalam ruang dalaman konsep Nusantara



Foto 6.25 Dinding pemisah yang diukir dengan ukiran tangan menjadi tarikan di dalam ruang dalaman ini

Rumusan

AKSESORI PELENGKAP

Jenis aksesori pelengkap

- Alas meja atau selendang meja
- Hampanan
- Bantal kusyen
- Aksesori meja
- Sarung kerusi bankuet
- Pokok tiruan

Pemilihan aksesori pelengkap berdasarkan konsep ruang dalaman

- Konsep Moden
- Konsep Minimalis
- Konsep Moden Kontemporari
- Konsep Nusantara
- Konsep Inggeris

Fungsi aksesori pelengkap

- Sebagai nilai estetika.
- Melahirkan suasana ruang yang segar dan tenang.
- Sebagai pelengkap dalam hiasan ruang dalaman.
- Penyeri di dalam ruang dalaman.

Menggabungkan aksesori pelengkap berdasarkan konsep hiasan ruang dalaman

- Ruang tamu
- Ruang makan
- Bilik tidur
- Ruang dapur



LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN A

- Yang manakah merupakan aksesori pelengkap?
 - Bingkai gambar
 - Cermin
 - Partition
 - Pokok tiruan
- Yang manakah benar tentang hamparan?
 - Melindungi kaki daripada kesejukan dan sebagai aksesori dekorasi di bahagian ruang tertentu.
 - Sebagai pelapik dan mengelakkan daripada kekotoran serta menjaga permukaan meja dari tercalar atau rosak.
 - Sebagai hiasan meja makan untuk majlis keramaian ataupun majlis-majlis rasmi.
 - Mewujudkan nilai estetika dan menjadikan ruang lebih eksklusif dan cantik.

3.



Aksesori pelengkap bantal kusyen gambar di atas merujuk kepada konsep _____.

- Moden
- Inggeris
- Tradisional
- Minimalis

- Berfungsi sebagai hiasan meja makan untuk majlis keramaian atau pun majlis-majlis rasmi.

Penyataan di atas merujuk kepada hiasan?

- Perunggu meja
- Alas meja
- Hamparan
- Skirting

- Fungsi aksesori pelengkap ialah _____.

- sebagai nilai estetika
- melengkapkan hiasan di dalam ruang
- mencantikkan ruang
- melindungi ruang daripada kecacatan dan kekotoran


BAHAGIAN B

- Bincangkan keperluan dan fungsi aksesori pelengkap bagi bilik tidur berkonsepkan Tradisional.



TUGASAN

- Berdasarkan konsep dan ruang dalaman yang diberikan, murid dikehendaki mencadangkan aksesori pelengkap yang sesuai.
- Murid dikehendaki menyusun dan memasang aksesori pelengkap berdasarkan perspektif yang diberikan.



BORANG PENILAIAN KOMPETENSI

Nama Murid : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Nama Sekolah : _____
 Tingkatan : _____ Angka Giliran: _____
 No. Modul : **MODUL 6**
 Tajuk : **AKSESORI HIASAN**

Bil.	Pencapaian Kompetensi	Pertama		Ulangan		Catatan
		Kompeten	Tidak Kompeten	Kompeten	Tidak Kompeten	
1.	Menyenaraikan jenis dan contoh setiap aksesori hiasan.					
2.	Menerangkan fungsi bagi setiap aksesori hiasan.					
3.	Menyesuaikan pemilihan aksesori hiasan berdasarkan konsep hiasan ruang dalaman.					
4.	Menganalisis pemilihan idea aksesori hiasan mengikut konsep hiasan ruang dalaman secara bersistematik.					
5.	Membuat justifikasi idea dan konsep hiasan dalaman serta memilih bahan dan peralatan pemasangan aksesori hiasan secara bersistematik dan sentiasa bersikap positif.					
6.	Menyediakan ruang dalaman berdasarkan konsep dan pemilihan aksesori hiasan secara kreatif, inovatif, rasional dan boleh diteladani.					

Keputusan Penilaian	Kompeten	Tidak Kompeten

Nama Guru		Tandatangan		Tarikh	
Nama Murid		Tandatangan		Tarikh	